

Penggunaan Bahasa dalam Ritual Seni Persembahan Opera Teochew di Pulau Pinang berdasarkan Model SPEAKING

Language Use in the Rituals of Teochew Opera Performances in Penang An Analysis Based on the SPEAKING Model

MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB^{1*} & KHOR GEK SUAN²

¹Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia 11800 USM, Gelugor Pulau Pinang, Malaysia

²Bahagian Bahasa Asing (Bahasa Cina), Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan (Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin) Universiti Sains Malaysia, 14300, Nibong Tebal, Pulau Pinang, Malaysia.

*Pengarang koresponden: mohdkhaidir@usm.my

Received: 30 May 2026, Accepted: 20 July 2026

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis penggunaan bahasa dalam seni persembahan opera Teochew di George Town, Pulau Pinang, berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi oleh Dell Hymes (1974) melalui model SPEAKING. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan dua orang informan yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan, iaitu Pengarah dan Pengurus Operasi Teochew Puppet & Opera House di Lebuhr Armenian, George Town, Pulau Pinang yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan mendalam dalam seni persembahan opera Teochew. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian serta kajian perpustakaan. Data yang diperoleh ditranskripsikan dan dianalisis secara tematik berdasarkan lapan (8) komponen model SPEAKING, iaitu latar tempat (Setting and Scene), peserta (Participants), tujuan (Ends), urutan tindakan (Act Sequence), nada komunikasi (Key), medium komunikasi (Instrumentalities), norma (Norms) dan genre (Genre). Hasil kajian menunjukkan bahawa opera Teochew bukan sekadar seni persembahan tradisional, sebaliknya berfungsi sebagai medium komunikasi budaya dan ritual yang memelihara identiti, bahasa serta kepercayaan masyarakat Teochew. Setiap komponen dalam model SPEAKING memperlihatkan hubungan yang saling melengkapi antara bahasa, simbol, muzik, pantang larang dan perlakuan ritual dalam membentuk makna komunikasi budaya. Penggunaan dialek Teochew, amalan ritual sebelum dan selepas persembahan, serta pematuhan terhadap norma tradisi menunjukkan bahawa opera Teochew berfungsi sebagai wahana penting dalam pewarisan budaya kepada generasi muda. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pendekatan Etnografi Komunikasi berupaya menjelaskan hubungan antara bahasa, budaya dan ritual dalam seni persembahan tradisional, sekali gus menyumbang kepada pengembangan kajian sosiolinguistik, komunikasi budaya serta usaha memelihara warisan budaya tidak ketara di Malaysia.

Kata kunci: Opera Teochew; Model SPEAKING; penggunaan bahasa; Pulau Pinang; sosiolinguistik

ABSTRACT

This study examines language use in Teochew opera performances in George Town, Penang, through Dell Hymes' (1974) *Ethnography of Communication* through its SPEAKING model. A qualitative approach was employed, involving two purposively selected informants, namely the Director and the Operations Manager of the Teochew Puppet & Opera House in Armenian Street, George Town, Penang, who possess extensive experience and in-depth knowledge of Teochew opera performances. Data were collected through semi-structured interviews, observations, and library research. The collected data were transcribed and analysed thematically using the eight (8) components of the SPEAKING model: Setting and Scene, Participants, Ends, Act Sequence, Key, Instrumentalities, Norms, and Genre. The findings reveal that Teochew opera is not merely a traditional performing art but also serves as a medium of cultural and ritual

communication that preserves the identity, language, and beliefs of the Teochew community. Each component of the SPEAKING model demonstrates the complementary relationship among language, symbols, music, taboos, and ritual practices in constructing the cultural meanings embedded in the performance. The use of the Teochew dialect, ritual practices conducted before and after the performance, and adherence to traditional norms indicate that Teochew Opera functions as an important vehicle for transmitting cultural heritage to younger generations. The study suggests that the Ethnography of Communication approach provides a comprehensive framework for explaining the relationship between language, culture, and ritual in traditional performing arts, thereby contributing to the advancement of sociolinguistic and cultural communication studies, as well as efforts to preserve Malaysia's intangible cultural heritage.

Keywords: Teochew Opera; SPEAKING Model; language use; Penang; sociolinguistics

PENDAHULUAN

Opera Cina Teochew (潮剧) merupakan seni persembahan yang kaya dengan nilai budaya dan berakar umbi dalam kepercayaan agama masyarakat Cina. Berdasarkan Portal Pemetaan Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2024), seni ini sering dipersembahkan di Pulau Pinang, khususnya di kawasan Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, semasa sambutan Perayaan Hantu Lapar. Asalnya dari wilayah Chaoshan di Guangdong, China, Opera Cina Teochew mengekalkan keunikan budaya melalui penggunaan dialek Teochew (潮州, yang masih menyimpan sebutan dan frasa-frasa kuno bahasa Cina, berbeza dengan dialek Cina moden yang digunakan kini.

Teochew adalah sebahagian daripada kumpulan dialek Min Nan yang masih mengekalkan elemen-elemen bahasa Cina kuno yang tidak lagi wujud dalam dialek Cina moden. Dialek Teochew mempunyai tradisi kebudayaan yang kaya, terutamanya dalam bidang keagamaan, yang tercermin dalam seni persembahan seperti opera, teater boneka, muzik, upacara minum teh, dan seni sulaman pada tekstil. Perkembangan seni persembahan ini bermula pada zaman Dinasti Song (960-1279) apabila pelarian

dari utara China, khususnya kaum Teochew, berpindah ke wilayah ChaoShan di Guangdong (潮汕, 广东省). Akibat ketegangan ekonomi yang berlaku di Chaoshan pada abad ke-19, banyak kaum Teochew terpaksa berhijrah ke negara-negara Asia Tenggara. Bersama-sama proses migrasi tersebut, mereka turut memperkenalkan dan mewariskan pelbagai unsur budaya, termasuk bahasa, adat resam, serta seni persembahan tradisional seperti opera Teochew dan Teater Boneka Teochew di kawasan penempatan baharu (Fan 2016; Yee Chui Ling 2018).

Opera Cina Teochew bukan sahaja mempertahankan unsur-unsur bahasa yang mendalam, tetapi juga menggabungkan pelbagai elemen seni yang mempesona, seperti muzik, nyanyian, seni mempertahankan diri, akrobatik, dan lakonan. Goh Hooi Ling (吴慧玲) (2024), seorang penggiat seni ini, mengungkapkan bahawa cerita-cerita seperti *Butterfly Lovers: Maiden Meeting* (梁祝楼台会), yang menceritakan kisah percintaan tragis yang serupa dengan kisah Romeo dan Juliet, menjadi pilihan popular dalam persembahan. Menurutnya, tema cerita ini yang bersifat universal serta emosi yang mendalam mampu menyentuh jiwa penonton.



ILUSTRASI 1: Opera Teochew Butterfly Lovers: Maiden Meeting (Sumber: Teochew Puppet & Opera House)

Selain itu, opera Cina Teochew bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, tetapi juga sebagai alat untuk mengekalkan warisan budaya nenek moyang. Di Pulau Pinang, walaupun masyarakat Cina majoritinya bertutur dalam dialek Hokkien (福建), mereka masih dapat memahami dialek Teochew, menjadikan seni ini relevan dan terus dihargai dalam kalangan komuniti tempatan (Portal Pemetaan Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2024). Pada awalnya, opera Cina Teochew dipersembahkan di tokong sebagai sebahagian daripada upacara keagamaan, tetapi kini seni ini mengalami perubahan dalam konteks persembahannya. Generasi masa kini lebih tertarik untuk mengadaptasi seni ini dalam bentuk teater moden, dengan persembahan yang sering diadakan di tempat-tempat seperti Dewan Sri Penang, Komtar. Peralihan ini menunjukkan usaha untuk memastikan kelangsungan seni tradisional ini dengan menarik minat khalayak yang lebih luas, terutamanya golongan muda. Goh Hooi Ling (2024) menjelaskan bahawa perubahan ini juga bertujuan menyesuaikan seni tersebut dengan ruang persembahan yang lebih kontemporari dan profesional, tanpa mengabaikan elemen tradisional yang menjadi teras kepada seni ini. Dengan langkah ini, opera Cina Teochew dapat terus berkembang dan relevan dalam masyarakat moden, sambil mengekalkan identiti budaya yang kuat.

Dalam konteks sosiolinguistik, opera Cina Teochew menjadi bukti bahawa seni persembahan tradisional bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai tapak sosial bahasa berinteraksi dengan identiti, kuasa, dan memori kolektif. Dalam komuniti diaspora Teochew, pemilihan dialek Teochew dalam persembahan bukan keputusan estetika semata-mata, tetapi merupakan tindakan linguistik yang melambangkan pengekalan identiti etnik dan kesetiaan budaya. Fishman (1972) menegaskan bahawa pemilihan bahasa bergantung pada domain komunikasi dan tujuan sosial. Dalam hal ini, opera Teochew berfungsi sebagai domain ritual yang mengekalkan penggunaan dialek warisan walaupun penutur dalam kehidupan harian menggunakan Hokkien atau Mandarin. Hal ini menunjukkan bahawa persembahan opera bukan sahaja mengekalkan bentuk kesenian tradisi, tetapi juga memelihara fungsi sosial dialek Teochew sebagai bahasa upacara, bahasa ritual dan bahasa identiti.

Selain itu, penggunaan dialek Teochew dalam persembahan dapat dilihat sebagai strategi mengekalkan komuniti pertuturan sebagaimana dijelaskan oleh Hymes melalui konsep *speech community*. Komuniti pertuturan bukan hanya diasaskan oleh bahasa yang digunakan, tetapi juga oleh pengetahuan bersama mengenai cara bahasa itu harus digunakan mengikut konteks sosial, situasi, dan nilai budaya. Dalam opera Teochew, hanya penutur yang mahir dalam dialek, norma komunikasi, gaya vokal, dan intonasi ritual yang dapat menyampaikan watak dan emosi dengan tepat. Hal ini memperlihatkan bahawa bahasa dalam opera tidak boleh dipisahkan daripada identiti budaya kerana dialek itu sendiri membawa simbol dan makna yang tidak boleh diterjemahkan ke dalam bahasa lain tanpa kehilangan unsur budaya.

Daripada sudut kuasa dan simbol, Bourdieu (1991) menjelaskan bahawa bahasa mempunyai *symbolic capital*, iaitu status dan nilai sosial yang dibina melalui penggunaannya dalam komuniti. Dalam konteks ini, penggunaan dialek Teochew di pentas menjadi bentuk penghargaan terhadap asal-usul dan legitimasi budaya. Walaupun masyarakat Cina di Pulau Pinang majoritinya menggunakan Hokkien sebagai lingua franca, penggunaan dialek Teochew dalam ritual persembahan memberi ruang kepada penutur mempertahankan status dialek mereka sebagai penanda keunikan dan identiti. Keadaan ini memperlihatkan hubungan yang jelas antara bahasa dan hierarki sosial dalam komuniti multibahasa.

Melalui lensa sosiolinguistik, opera Cina Teochew juga menggambarkan fenomena peralihan bahasa yang terkawal. Walaupun terdapat perubahan dalam bentuk persembahan seperti berpindah dari tokong ke panggung moden, bahasa dialek yang digunakan masih dikekalkan dalam penceritaan, nyanyian dan dialog. Perpindahan ruang persembahan tidak mengubah fungsi bahasa, malah memperkukuh keberdayaan dialek Teochew sebagai bahasa simbolik dalam domain persembahan. Hal ini sejajar dengan pandangan Blom dan Gumperz (1972) mengenai penggiliran kod, apabila pelakon yang dalam kehidupan seharian bertutur Hokkien atau Mandarin bertukar kepada dialek Teochew apabila berada dalam domain persembahan ritual. Melalui penggiliran kod ini, opera Teochew memperlihatkan bagaimana bahasa menjadi penanda peranan sosial dan status budaya.

Oleh itu, opera Cina Teochew bukan sekadar warisan seni tradisional, tetapi merupakan fenomena

sosiolinguistik yang memperlihatkan hubungan antara bahasa, identiti dan budaya. Persembahan ini menjadi platform penting untuk memelihara dialek Teochew dalam komuniti diaspora di Pulau Pinang, seterusnya memastikan bahawa bahasa warisan tidak sekadar bertahan, tetapi terus hidup melalui seni, ritual dan pewarisan antara generasi.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti penggunaan bahasa dalam komuniti opera Teochew di Pulau Pinang berdasarkan model *SPEAKING* oleh Dell Hymes (1972). Melalui objektif ini, kajian dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang fungsi bahasa sebagai alat komunikasi dan simbol identiti dalam ritual seni persembahan Opera Teochew di Pulau Pinang.

KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian mengenai opera Teochew pada umumnya menumpukan kepada aspek sejarah, estetika dan pemeliharaan budaya, namun kurang memberikan perhatian terhadap analisis bahasa dan komunikasi sebagai inti dalam ritual persembahan. Fan (2016) menjelaskan bahawa opera Teochew berperanan sebagai medium yang memelihara naratif tradisional dan identiti linguistik komuniti diaspora, sementara Yee Chui Ling (2018) menunjukkan opera ini mengukuhkan hubungan komuniti melalui fungsi sosial dalam upacara keagamaan. Walaupun kedua-dua sarjana mengakui peranan seni ini dalam pembentukan identiti budaya, fokus mereka masih terikat pada dimensi kesenian dan konservasi budaya tanpa menghuraikan cara interaksi komunikatif berlaku antara pelakon, pemuzik dan penonton dalam konteks ritual.

Lin (2023) pula meneliti perubahan bentuk persembahan opera Teochew apabila seni tersebut dipindahkan dari ruang ritual di tokong ke pentas teater moden seperti Dewan Sri Pinang. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya menumpukan pemodenan persembahan dan adaptasi estetika tanpa menyentuh aspek pemindahan ruang turut mengubah bentuk komunikasi, penggunaan bahasa dan hubungan simbolik antara komuniti dengan ritual. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk mengkaji opera ini bukan sebagai artifak budaya, tetapi sebagai peristiwa komunikasi.

Dalam bidang komunikasi budaya Barat, Carey (1989) menyatakan bahawa komunikasi bukan

sekadar pemindahan maklumat, tetapi tindakan simbolik yang mengekalkan kepercayaan dan identiti melalui pengulangan ritual. Pandangan ini sesuai dengan opera Teochew yang mengandungi tindakan berulang seperti pembukaan doa, muzik ritual dan pementasan naratif. Schechner (2002) melalui *Performance Studies* menegaskan bahawa persembahan ritual ialah *restored behavior*, iaitu tindakan yang dipersembahkan semula sebagai bentuk pengekalan memori budaya. Hal ini jelas kelihatan dalam opera Teochew yang menggabungkan komunikasi verbal dan bukan verbal bagi menyampaikan makna budaya.

Dalam konteks antropologi, Geertz (1973) menyatakan bahawa budaya ialah jaringan makna yang dihasilkan oleh simbol dan tindakan. Oleh itu, setiap elemen dalam opera Teochew seperti kostum, alat muzik dan penggunaan dialek Teochew merupakan simbol yang membawa makna budaya. Clifford (1997) pula menjelaskan bahawa identiti diaspora terbentuk melalui rundingan berterusan antara tradisi dan pembaharuan. Dalam opera Teochew, penggunaan dialek tradisional Teochew menjadi penegasan identiti komuniti walaupun berada dalam persekitaran sosial yang majoritinya menggunakan Hokkien dan Mandarin.

Dalam perspektif sosiolinguistik, Hymes (1972, 1974) menegaskan bahawa bahasa perlu dikaji dalam konteks penggunaannya, bukan sebagai struktur linguistik semata-mata. Model *SPEAKING* yang diperkenalkan beliau memberi kerangka untuk menganalisis latar, peserta, tujuan, norma dan genre komunikasi dalam sesuatu peristiwa budaya. Konsep ini diperincikan lagi oleh Goffman (1981) melalui konsep *footing* iaitu perubahan peranan linguistik bergantung kepada konteks pertuturan, misalnya ketika pelakon opera Teochew bertukar daripada bahasa harian kepada dialog ritual di atas pentas. Di samping itu, Bourdieu (1991) mengaitkan bahasa dengan kuasa simbolik, iaitu pilihan bahasa mencerminkan status dan identiti dalam sesuatu komuniti. Dalam opera Teochew, penggunaan dialek Teochew bukan sekadar medium komunikasi artistik tetapi strategi simbolik untuk mengekalkan kuasa identiti budaya dalam komuniti diaspora.

Sorotan ini menunjukkan bahawa terdapat jurang kajian yang ketara. opera Teochew sering dikaji sebagai seni persembahan tradisi, namun belum dianalisis sebagai ritual komunikasi yang menggabungkan bahasa, simbol dan identiti budaya. Oleh itu, kajian ini mengisi kelompangan tersebut dengan menerapkan Etnografi Komunikasi Hymes

bagi menganalisis opera Teochew sebagai peristiwa komunikasi linguistik, bukan sekadar persembahan budaya. Melalui pendekatan ini, opera Teochew dapat difahami sebagai medium pewarisan warisan linguistik, budaya dan keagamaan dalam komuniti Teochew diaspora di Pulau Pinang.

METODOLOGI

Pengkaji telah menemu bual Puan Goh Hooi Ling, Pengarah Teochew Puppet & Opera House, dan Encik Low Zhi Kai, Pengurus Operasi organisasi tersebut pada 3 Disember 2024 di Teochew Puppet & Opera House, George Town, Pulau Pinang. Temu bual ini bertujuan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai ritual persembahan opera Teochew, termasuk fungsi bahasa, penggunaan dialek Teochew dan struktur komunikasi dalam setiap peringkat persembahan. Sebagai sebahagian daripada kaedah pengumpulan data, rakaman video dan audio telah digunakan semasa sesi temu bual bagi memastikan maklumat diperoleh secara autentik dan dapat dianalisis semula secara terperinci. Di samping itu, pengkaji turut meneliti rakaman video persembahan yang disimpan oleh organisasi tersebut untuk mengenal pasti urutan tindakan ritual yang berlaku sebelum, semasa dan selepas persembahan.

Pendekatan kualitatif dipilih kerana selaras dengan matlamat kajian yang menekankan pemerhatian terhadap fenomena komunikasi dalam konteks sebenar. Etnografi Komunikasi oleh Hymes dijadikan panduan utama, yang menekankan pemerhatian terhadap peristiwa bahasa yang berlaku dalam situasi sosial tertentu. Melalui pendekatan ini, data dikumpulkan bukan hanya daripada maklumat lisan informan, tetapi juga melalui pemerhatian komunikasi nonverbal seperti gerak tubuh, penggunaan ruang pentas, serta simbol budaya yang menjadi sebahagian daripada ritual. Kajian perpustakaan turut digunakan dengan meneliti buku rujukan, tesis, artikel jurnal dan sumber dalam talian yang berkaitan dengan opera Teochew, diaspora Teochew dan teori sociolinguistik. Langkah ini bertujuan memberikan asas teori yang kukuh dalam menganalisis dapatan lapangan yang diperoleh.

Pemilihan informan dilakukan secara persampelan bertujuan kerana pengkaji memilih informan yang terlibat secara langsung dalam bidang ini dan berautoriti memberikan maklumat yang tepat. Puan Goh Hooi Ling dan Encik Low dipilih kerana mereka memainkan peranan sebagai penggiat utama dalam pemeliharaan opera

Teochew di Pulau Pinang serta terlibat dalam pentas dan latihan. Pemilihan ini memenuhi kriteria penyelidikan kualitatif iaitu informan mesti mempunyai pengalaman langsung, pengetahuan mendalam dan keterlibatan aktif dalam komuniti yang dikaji. Hal ini memastikan data yang dikumpul bersifat primer dan bukan interpretasi sekunder.

Prosedur temu bual dijalankan secara separa berstruktur. Pengkaji menyediakan set soalan panduan, namun memberi ruang kepada informan untuk menghuraikan pengalaman, pandangan dan pengetahuan mereka secara bebas. Kaedah ini memberi fleksibiliti dan membolehkan pengkaji mendapatkan data yang lebih mendalam serta mengelakkan jawapan yang terlalu terikat kepada skema soalan. Semasa temu bual, pengkaji turut mencatat pemerhatian terhadap penggunaan bahasa, istilah ritual, serta interaksi spontan antara informan dan ahli kumpulan lain.

Data temu bual yang dirakam telah ditranskripsikan sepenuhnya untuk tujuan analisis. Transkripsi ini kemudiannya dianalisis menggunakan kerangka model *SPEAKING* oleh Hymes. Analisis dilakukan dengan mengenal pasti elemen-elemen seperti latar tempat, peserta, tujuan, urutan tindakan, nada komunikasi, medium komunikasi, norma sosial dan genre. Kaedah analisis ini membolehkan pengkaji memahami peranan setiap elemen komunikasi tersebut membina makna ritual dalam persembahan opera Teochew. Proses triangulasi data turut dilakukan dengan membandingkan maklumat temu bual, rakaman visual dan bahan rujukan bertulis bagi memastikan ketepatan dapatan kajian.

Dari segi etika kajian, pengkaji telah memperoleh persetujuan bertulis daripada informan sebelum rakaman dilakukan. Informan dimaklumkan mengenai tujuan penyelidikan, penggunaan data dan hak mereka untuk menarik diri pada bila-bila masa. Pengkaji menjaga kerahsiaan maklumat dan hanya menggunakan data bagi tujuan penyelidikan akademik. Sebagai tambahan, identiti informan hanya dinyatakan berdasarkan persetujuan mereka. Melalui gabungan temu bual, pemerhatian lapangan, kajian perpustakaan dan analisis data berdasarkan model *SPEAKING*, metodologi ini membolehkan kajian dijalankan secara sistematik dan berfokus. Pendekatan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang peranan elemen bahasa, simbol dan tindakan ritual saling berinteraksi untuk membentuk identiti dan warisan budaya opera Teochew dalam komuniti diaspora di Pulau Pinang.

PENDEKATAN ETNOGRAFI KOMUNIKASI OLEH DELL HYMES (1974)

Pendekatan Etnografi Komunikasi oleh Dell Hymes bukan sahaja penting dalam kajian komunikasi budaya, tetapi turut menjadi salah satu asas dalam bidang sosiolinguistik moden. Dalam disiplin sosiolinguistik, fokus utama ialah memahami peranan bahasa digunakan dalam masyarakat dan membentuk identiti individu dan kolektif dalam sesebuah komuniti. Hymes memperkenalkan konsep komuniti pertuturan bagi menjelaskan bahawa masyarakat tidak hanya berkongsi bahasa yang sama, tetapi juga berkongsi pengetahuan tentang cara menggunakan bahasa itu mengikut norma sosial dan budaya. Konsep ini selaras dengan sosiolinguistik kerana ia menghubungkan bahasa dengan struktur sosial, kepercayaan dan peranan penutur dalam interaksi.

Pendekatan ini juga menjelaskan bahawa bahasa tidak digunakan secara rawak, tetapi tertakluk kepada domain sosial. Fishman (1972) menegaskan bahawa pemilihan bahasa dipengaruhi oleh konteks sosial seperti siapa yang bercakap, dengan siapa, dan untuk tujuan apa. Oleh itu, penggunaan dialek Teochew dalam opera Teochew bukan semata-mata kerana ia merupakan bahasa seni, tetapi kerana dialek tersebut mengandungi nilai budaya, agama dan identiti leluhur yang tidak dapat diwakili oleh bahasa Mandarin atau Hokkien. Ini menunjukkan bahawa domain persembahan ritual menjadi ruang khusus yang mengekalkan fungsi bahasa warisan.

Model *SPEAKING* Hymes juga penting dalam sosiolinguistik kerana ia merincikan faktor situasi yang menentukan variasi bahasa yang digunakan. Elemen *Participants dan Ends*, misalnya, menjelaskan hubungan kuasa dan tujuan komunikasi, sementara *Key dan Genre* menunjukkan gaya dan bentuk bahasa yang menentukan makna sosial dalam interaksi. Hal ini membolehkan penyelidik melihat aspek penggiliran kod atau perubahan gaya pertuturan berlaku apabila pelakon bertukar daripada bahasa harian kepada bahasa ritual di atas pentas. Situasi ini memperlihatkan konsep *footing* yang diperkenalkan oleh Goffman (1981), iaitu perubahan peranan linguistik bergantung kepada konteks komunikasi.

Penggunaan Etnografi Komunikasi dalam opera Teochew juga menjelaskan cara bahasa berfungsi sebagai penanda identiti. Bourdieu (1991) menyatakan bahawa bahasa mempunyai kuasa simbolik yang berkait rapat dengan status

dan kedudukan sosial penutur. Dalam konteks ini, penggunaan dialek Teochew pada pentas bukan sahaja sebagai medium persembahan, tetapi sebagai strategi simbolik untuk mengekalkan identiti diaspora. Bahasa menjadi lambang kewujudan dan kesinambungan komuniti, walaupun mereka telah berada jauh dari tanah asal. Oleh itu, opera Teochew berfungsi bukan sahaja sebagai persembahan seni, tetapi juga sebagai tapak sosiolinguistik yang memperlihatkan peranan bahasa dalam pembinaan identiti budaya.

Kesimpulannya, pendekatan Etnografi Komunikasi oleh Hymes mempunyai pertalian rapat dengan sosiolinguistik kerana kedua-duanya menekankan hubungan antara bahasa, masyarakat dan konteks sosial. Melalui model *SPEAKING*, penyelidik dapat memahami aspek variasi bahasa, gaya penyampaian dan tindakan komunikatif dalam opera Teochew membentuk makna budaya dan mengukuhkan warisan linguistik komuniti Teochew di Pulau Pinang. Pendekatan ini membolehkan penyelidikan melihat opera Teochew bukan sekadar persembahan seni, tetapi sebagai fenomena sosiolinguistik yang memperlihatkan hubungan antara bahasa, identiti dan struktur budaya.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam mengaitkan pendekatan Etnografi Komunikasi oleh Dell Hymes (1972) dengan kajian ritual dalam seni persembahan opera Teochew di Pulau Pinang, analisis terhadap setiap elemen model *SPEAKING* dapat dilakukan secara terperinci. Berikut adalah perincian bagi setiap akronim dalam *SPEAKING* yang akan digunakan untuk mengkaji seni ritual persembahan opera Teochew.

S - SCENE AND SETTING (LATAR TEMPAT DAN SUASANA)

Scene and setting merujuk kepada tempat dan suasana ketika komunikasi berlaku. Dalam konteks opera Teochew, ini boleh merujuk kepada lokasi persembahan yang biasanya diadakan di tokong atau tempat yang mempunyai nilai sakral. Latar tempat ini penting kerana ia membentuk suasana yang memperkukuh dimensi ritual persembahan. Suasana di tokong sering kali memberi konteks yang mempengaruhi perasaan dan penerimaan penonton terhadap persembahan tersebut. Penekanan terhadap suasana yang sakral akan memperlihatkan

persembahan opera Teochew bukan sekadar hiburan tetapi juga suatu bentuk penghormatan dan ritual. Pada masa kini, walaupun ia telah dialihkan ke

pentas teater di dewan, unsur-unsur sakral dan ritual tersebut masih dapat dirasakan dalam cara ia dipersembahkan.



ILUSTRASI 2: Pentas Persembahan Opera (Sumber: Teochew Puppet & Opera House).

P - PARTICIPANTS (PESERTA)

Participants merujuk kepada individu yang terlibat dalam komunikasi, iaitu pelakon, pemuzik dan penonton dalam persembahan opera Teochew. Dalam persembahan ini, peranan pelakon yang membawa watak dalam opera, pemuzik yang memainkan alat muzik tradisional dan pelakon yang menonton

persembahan ini. Setiap peserta memainkan peranan dalam menghidupkan dimensi sakral persembahan, dengan pelakon dan pemuzik membawa elemen budaya dan agama, sementara penonton terlibat dalam ritual penghormatan atau berinteraksi secara tidak langsung dengan persembahan. Biasanya, jumlah individu yang terlibat dalam persembahan ini antara 20 hingga 30 orang.



ILUSTRASI 3: Pelakon dan pemuzik dalam Persembahan Opera Teochew (Sumber: Teochew Puppet & Opera House).

E - ENDS (TUJUAN ATAU HASIL)

Ends merujuk kepada tujuan atau matlamat komunikasi. Dalam seni persembahan opera Teochew, tujuan persembahan ini boleh meliputi beberapa aspek, seperti untuk menyampaikan nilai budaya, menghormati nenek moyang, atau sebagai

sebahagian daripada ritual agama atau perayaan tertentu. Di samping itu, opera Teochew berfungsi untuk mencapai sesuatu tujuan yang lebih besar daripada sekadar hiburan, iaitu menyambung dan memperkukuh hubungan komuniti dengan warisan sakral mereka.

A - ACT SEQUENCE (URUTAN TINDAKAN)

Act Sequence dalam konteks opera Teochew merujuk kepada urutan tindakan yang sistematik dalam peristiwa komunikasi budaya ini. Persembahan biasanya dimulakan dengan doa dan sembahyang sebagai elemen ritual, diikuti oleh persembahan gendang solo (三斩锣鼓) yang menjadi isyarat kepada penonton bahawa opera akan bermula. Penonton kemudian memasuki ruang persembahan

dan mengambil tempat untuk bersedia. Selepas itu, cerita utama dipersembahkan dalam durasi kira-kira tiga jam, melibatkan pelbagai babak dramatik yang menggambarkan naratif tradisional. Akhirnya, panggung ditutup sebagai simbol penamat persembahan, dengan kesemua elemen ini mencerminkan urutan yang teratur dan signifikan dalam memastikan pengalaman opera Teochew dapat disampaikan secara menyeluruh.



ILUSTRASI 4: Pementasan Opera Teochew (Sumber: Teochew Puppet & Opera House).

K - KEY (NADA ATAU GAYA KOMUNIKASI)

Key merujuk kepada nada atau gaya komunikasi dalam peristiwa pertuturan. Dalam konteks opera Teochew, ini termasuk gaya persembahan yang penuh dengan emosi dan simbolisme, iaitu pelakon sering kali menggunakan suara yang

kuat atau nyanyian yang penuh perasaan untuk menggambarkan perasaan dan mesej dalam cerita. Gaya dan nada komunikasi ini mungkin dipengaruhi oleh elemen sakral, dengan penghayatan mendalam terhadap watak dan cerita yang berkaitan dengan nilai agama atau budaya yang dihormati oleh masyarakat Teochew.



ILUSTRASI 5: Pelakon Opera Teochew menggunakan nada yang sesuai ketika menghayati watak (Sumber: Teochew Puppet & Opera House).

I - INSTRUMENTALITIES (SALURAN ATAU MEDIUM KOMUNIKASI)

Instrumentalities merujuk kepada alat atau medium yang digunakan dalam komunikasi. Dalam opera Teochew, ini termasuk alat muzik tradisional seperti seperti Tita (唢呐), ErXian (二弦), YeHu (椰胡) dan YangQin (扬琴) (alat muzik asas),

serta perkakas yang digunakan dalam penghayatan watak, seperti kostum dan solekan. Alat muzik memainkan peranan penting dalam menyampaikan nuansa emosi dan sakral dalam persembahan, sementara kostum dan solekan membolehkan penonton memahami peranan dan watak dalam cerita yang disampaikan.



ILUSTRASI 6: Antara alat muzik yang digunakan dalam persembahan Opera Teochew (Sumber: Teochew Puppet & Opera House).



ILUSTRASI 7: Antara kostum dan alat solekan yang digunakan dalam persembahan Opera Teochew (Sumber: Teochew Puppet & Opera House).

N - NORMS (NORMA ATAU PERATURAN SOSIAL)

Norms dalam konteks komunikasi merujuk kepada peraturan, etika, dan pantang larang yang mesti dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat. Dalam opera Teochew, norma-norma ini merangkumi pelbagai aspek untuk menjaga kesucian tradisi dan keaslian persembahan. Sebagai contoh, pelakon dilarang memakan daging lembu sebelum persembahan kerana dipercayai boleh menjejaskan

kualiti suara. Selain itu, semasa persembahan berlangsung, makanan seperti ketam atau siput tidak dibenarkan kerana dianggap membawa kesan buruk kepada kelancaran pementasan. Norma lain termasuk larangan ke atas wanita untuk duduk atau melangkah kotak di atas pentas, kerana dipercayai perbuatan tersebut akan membawa malang. Sebelum pementasan, para pelakon sering mengamalkan pantang larang untuk hanya makan sayuran sebagai simbol pemurnian diri. Dalam memainkan beberapa

watak tertentu, terdapat pantang larang yang khas. Sebagai contoh, watak Bao Zheng (包拯), semasa dia bersolek, simbol bulan senget dilukis di dahi pelakon untuk melindungi mereka daripada gangguan roh. Selepas pementasan, watak yang “dimainkan” akan secara simbolik dikeluarkan melalui ritual mencuci solekan dengan menggunakan kertas emas (金纸). Kertas tersebut kemudiannya dibakar sebagai langkah menamatkan keterikatan pelakon dengan watak yang mereka bawaikan. Norma-norma ini bukan sahaja menunjukkan disiplin yang tinggi dalam seni persembahan tetapi juga mencerminkan kepercayaan budaya dan ritual yang melindungi seni warisan ini daripada sebarang unsur negatif.

G - GENRE (JENIS COMMUNICASIA)

Genre merujuk kepada kategori atau jenis komunikasi yang digunakan dalam sesuatu peristiwa pertuturan. Dalam konteks opera Teochew, genre utamanya meliputi tema seperti percintaan, mitos, legenda, dan cerita rakyat. Persembahan ini merupakan gabungan muzik, nyanyian, dan lakonan yang disusun secara dramatik. Opera Teochew menyerlahkan identitinya melalui elemen-elemen unik seperti muzik tradisional, simbolisme, dan teknik lakonan yang memberi penekanan kepada penyampaian mesej sakral serta nilai budaya yang mendalam. Seni persembahan ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penting untuk memelihara dan menyampaikan warisan budaya dan agama masyarakat Teochew kepada generasi seterusnya.

Opera Cina Teochew di Pulau Pinang bukan sahaja merupakan seni persembahan tetapi juga cerminan keunikan budaya dan identiti masyarakat Teochew yang telah lama berakar di Malaysia. Dalam perbincangan ini, pendekatan etnografi komunikasi oleh Dell Hymes (1974) menjadi rangka kerja yang membantu memahami peranan elemen budaya, sosial, dan linguistik diintegrasikan dalam seni ini. Sebagai seni yang kaya dengan nilai ritual dan sejarah, opera Teochew memainkan peranan sebagai medium yang bukan sahaja menyampaikan hiburan, tetapi turut memperkukuh hubungan komuniti dengan warisan nenek moyang mereka. Pandangan ini turut diperkuatkan oleh Yee Chui Ling (2018), yang menyatakan bahawa seni tradisional seperti ini sering kali menjadi alat penting dalam mengekalkan identiti budaya di perantauan. Dalam konteks teori budaya oleh Edward T. Hall (1959), elemen ritual dalam persembahan seperti opera Cina

Teochew dapat difahami sebagai bentuk komunikasi berlapis yang menggabungkan simbolisme tinggi dan mesej implisit. Persembahan ini tidak hanya menyampaikan cerita tetapi turut memaparkan nilai-nilai sosial melalui bahasa, gerak tubuh, muzik, dan suasana yang dicipta. Kajian Dell Hymes melalui model *SPEAKING*, terutamanya elemen *Scene and Setting* serta *Participants*, menonjolkan bahawa seni ini berlaku dalam persekitaran yang penuh makna simbolik. Contohnya, latar tempat seperti tokong atau dewan memberikan konteks budaya dan emosi yang mendalam, sementara pelakon, pemuzik, dan penonton memainkan peranan masing-masing dalam ritual persembahan.

Selain itu, pandangan sarjana Barat seperti Richard Schechner (2002) dalam bidang teori performatif menyokong idea bahawa seni persembahan tradisional bukan sahaja melibatkan tindakan lakonan, tetapi juga fungsi sosial dan politik dalam masyarakat. Seni ini berperanan sebagai ruang untuk menghidupkan semula sejarah, membina solidariti komuniti, dan melestarikan bahasa tradisional seperti dialek Teochew, yang kini semakin jarang digunakan dalam komunikasi harian. Menurut Portal Pemetaan Budaya (2024), usaha generasi baharu seperti pengadaptasian opera Cina Teochew ke pentas moden menunjukkan bahawa seni ini masih relevan dalam memastikan kesinambungan warisan, selari dengan pendapat Fan (2016) tentang keupayaan seni tradisional untuk menyesuaikan diri dengan perubahan sosial.

Perbincangan ini turut menunjukkan kepentingan opera Cina Teochew dalam konteks masyarakat pelbagai budaya di Malaysia. Walaupun masyarakat Cina di Pulau Pinang lebih banyak bertutur dalam dialek Hokkien, keupayaan mereka untuk memahami dialek Teochew menunjukkan adanya kesinambungan dan penghargaan terhadap pelbagai bentuk warisan budaya. Dalam hal ini, seni persembahan tradisional bukan sahaja menjadi medium untuk mengekalkan identiti kumpulan tertentu, tetapi juga sebagai jambatan antara budaya, selaras dengan pandangan Geertz (1973) bahawa seni adalah cerminan hubungan kompleks antara budaya dan individu. Pendekatan yang diambil oleh keluarga Goh menerusi Teochew Puppet & Opera House memperlihatkan strategi proaktif untuk memelihara seni ini, termasuk usaha dokumentasi dan inovasi dalam bentuk persembahan kontemporari, memastikan ia terus dihargai dan dihayati oleh generasi akan datang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, opera Cina Teochew di Pulau Pinang bukan sahaja sebuah seni persembahan tradisional tetapi juga wadah penting dalam pemeliharaan warisan budaya masyarakat Teochew. Melalui elemen-elemen linguistik, sosial, dan ritual yang terkandung dalam persembahan ini, seni ini berfungsi sebagai alat yang memperkuat identiti budaya di tengah masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Kajian teori budaya dan linguistik seperti pendekatan memberikan gambaran mendalam tentang seni ini memancarkan nilai-nilai tradisi sambil menyesuaikan diri dengan perubahan masa. Inovasi dan usaha pemeliharaan seperti yang dilakukan oleh penggiat seni tempatan memastikan kesinambungan opera Cina Teochew, menjadikannya relevan dan dihargai oleh generasi muda. Di samping itu, seni ini juga berperanan sebagai jambatan antara komuniti, mencipta ruang untuk interaksi budaya dan memperkuat keharmonian sosial. Dalam konteks Pulau Pinang yang kaya dengan sejarah dan pelbagai budaya, opera Cina Teochew menjadi simbol kekuatan tradisi yang mampu bertahan meskipun berhadapan cabaran globalisasi. Kepentingannya bukan sahaja terletak pada aspek hiburan, tetapi juga dalam nilai simboliknya yang mendalam, mewakili hubungan antara sejarah, identiti, dan aspirasi masyarakat Teochew. Dengan sokongan dan penghargaan berterusan, seni ini berpotensi untuk terus berkembang sebagai satu elemen unik yang memperkaya landskap budaya Malaysia.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Ling Goh (Goh Hooi Ling), Pengarah Teochew Puppet & Opera House, dan Low Zhi Kai, Pengurus Operasi Teochew Puppet & Opera House, atas kerjasama dan sumbangan mereka sebagai informan utama dalam kajian ini. Maklumat yang diberikan oleh mereka sangat bernilai dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Blom, J. P. & Gumperz, J. J. 1972. Social meaning in linguistic structures: code-switching in Norway. Dlm. Gumperz, J.J. & Hymes, D. (pnyt.). *The Ethnography of Communication*, hlm. 407–434. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Bourdieu, P. 1991. *Language and Symbolic Power*. Cambridge: Polity Press.
- Carey, J. W. 1989. *Communication as Culture: Essays on Media and Society*. Boston: Unwin Hyman.
- Clifford, J. 1997. *Routes: Travel and Translation in the Late Twentieth Century*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Fan, Y. 2016. The migration and cultural impact of Teochew opera in Southeast Asia. *Journal of Southeast Asian Cultural Studies* 12(3): 45–60.
- Fishman, J. A. 1972. *The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society*. Rowley, MA: Newbury House.
- Geertz, C. 1973. Thick description: toward an interpretive theory of culture. Dlm. *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*, hlm. 3–30. New York: Basic Books.
- Goffman, E. 1981. *Forms of Talk*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Goh Hooi Ling. 2024. Komunikasi peribadi, 3 December.
- Hall, E. T. 1959. *The Silent Language*. New York: Doubleday.
- Hymes, D. 1972. Models of the interaction of language and social life. Dlm. Gumperz, J.J. & Hymes, D. (pnyt.), *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, hlm. 35–71. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Hymes, D. 1972. On communicative competence. Dlm. Pride, J.B. & Holmes, J. (pnyt.), *Sociolinguistics: Selected Readings*, hlm. 269–293. Harmondsworth: Penguin Books.
- Hymes, D. 1974. *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2024. Portal Pemetaan Budaya: Teochew Opera in Penang. <https://www.jkk.gov.my>. [7 Julai 2026].
- Lin, Z. 2023. From sacred to profane: Teochew opera in the Malaysian Chinese community. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13(1): 155–164.
- Schechner, R. 2002. *Performance Studies: An Introduction*. London: Routledge.
- Yee Chui Ling. 2018. Cultural preservation and adaptation in the Teochew community: the case of opera performances. *Teochew Cultural Review* 22(1): 90–105.

NOTA:

- ¹ Goh Hooi Ling (2024, December 3). Merujuk kepada komunikasi peribadi yang diperoleh pada tarikh yang dinyatakan, yang tidak boleh diakses oleh orang ramai.
- ² Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2024). Menggunakan sumber dari portal rasmi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang menyenaraikan seni persembahan di Malaysia, khususnya Opera Teochew.